

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## **CIDB IKTIRAF 19 WARTAWAN PEMBINAAN CEMERLANG DI ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2018 SEMENANJUNG**

***Kumpulan Media Star menang besar AMP 2018***

**Kuala Lumpur, 3 Disember 2018:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan kecemerlangan 19 wartawan media Bahasa Melayu, Inggeris dan Cina, di Anugerah Media Pembinaan CIDB (AMP) 2018, Semenanjung Malaysia. The Star mengungguli AMP 2018 dengan membawa pulang sekurang-kurangnya satu anugerah bagi setiap kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Media Cetak & Portal Berita, Anugerah Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian, dan Anugerah Fotografi.

AMP dianjurkan sebagai tanda penghargaan kepada media yang telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan Malaysia dalam industri pembinaan menerusi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Penyampaian anugerah pada hari ini, disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian, bersempena Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya.

“Media memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai industri pembinaan. Sememangnya, ini merupakan elemen sokongan yang

penting dalam usaha kerajaan untuk memacu transformasi sektor pembinaan negara kita untuk menjadi sektor bertaraf antarabangsa. Tambahan lagi, kajian separuh penggal CITP yang dijalankan baru-baru ini menilai kesemua inisiatif dan prestasi Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dicapai setakat ini, bagi memastikan matlamat keseluruhan program ini dapat direalisasikan dan memberi impak yang lebih besar menjelang 2020,” kata Dato’ Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

“Oleh sebab itu, kami berharap pihak media akan terus memberi sokongan menerusi kupasan dan laporan yang berkualiti serta konsisten mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan Persekutuan serta penggiat industri dalam memperkasakan sektor pembinaan Malaysia supaya menjadi lebih moden, berproduktiviti tinggi dan mampan selaras dengan matlamat keseluruhan CITP,” katanya.

CITP merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11, bertujuan untuk melonjakkan sektor pembinaan menjadi lebih berdaya saing menjelang tahun 2020, melalui empat teras strategik utamanya, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme; Kemampanan Alam Sekitar; Produktiviti dan; Pengantarabangsaan.

Karya-karya penyertaan AMP CIDB yang dinilai perlulah berkisar tentang CITP dan industri pembinaan. Tempat pertama bagi Anugerah Media Cetak & Portal Berita AMP 2018 Semenanjung dimenangi oleh Berita Harian dengan liputan bertajuk “*Operasi kren dimonopoli warga asing & CIDB lahir 1,200 pelatih pengendalian kren setahun*”, manakala tempat kedua dan ketiga, kedua-duanya dimenangi oleh The Star, dengan laporan meliputi topik-topik mengenai keselamatan dan kesihatan penginapan pekerja pembinaan dan usaha meningkatkan kualiti dan keselamatan jalan raya.

Selain daripada itu, pemenang utama bagi Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dimenangi oleh RTM, bagi liputan “*Potensi kerjaya industri binaan*”. Manakala, Bernama berjaya merangkul hadiah tempat pertama bagi Kategori Fotografi dengan foto bertemakan Pembangunan Tun Razak (TRX).

Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

**A. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana):**

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
<b>Pertama (RM5,000)</b>	Rashiqah Ilmi Binti Abd Rahim & Siti Azila Alias	Berita Harian	Operasi kren dimonopoli warga asing & CIDB lahir 1,200 pelatih pengendalian kren setahun
<b>Kedua (RM3,000)</b>	Shanjeev Reddy A/L Gunasegaran Reddy, Yee Ngan Pang (Elroi Yee), Samantha Chow Jia Ern, Lim May Lee, & Yee Ngan Fui (Ian Yee)	The Star	A night in a kongsi
<b>Ketiga (RM2,000)</b>	Shalini A/P Ravindran	The Star	Filling in the gaps
<b>Saguhati (RM1,000)</b>	Joseph Wong Fook Ming, Ang Hui Hsein, & Aliff Yusri Bin Ahmad Anuar	Focus Malaysia	Building of a nation
<b>Saguhati (RM1,000)</b>	Aliff Yusri Bin Ahmad Anuar	Focus Malaysia	Kampung Baru's modern makeover

**B. Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian:**

<b>Tempat</b>	<b>Nama</b>	<b>Organisasi</b>	<b>Tajuk</b>
<b>Pertama (RM5,000)</b>	Sarah Nadhirah Binti Azman	RTM	Potensi kerjaya industri binaan
<b>Kedua (RM3,000)</b>	Ariffuddin Bin Ishak & Azlina Binti Mazli	mStar	Meredah jejambat paling gayat di Malaysia
<b>Ketiga (RM2,000)</b>	Wan Eizzul Islam Bin Wan Zulkifli	NTV7	Improving Industrial Workforce Safety In Malaysia
<b>Saguhati (RM1,000)</b>	Satpal Singh Kaler A/L Bekram Singh	The Star	Big city, small living

**C. Kategori Fotografi:**

<b>Tempat</b>	<b>Nama</b>	<b>Organisasi</b>	<b>Tajuk</b>
<b>Pertama (RM5,000)</b>	Mohd Hafizie Bin Mahamad Shabudin	Bernama	Pembangunan Tun Razak (TRX)
<b>Kedua (RM3,000)</b>	Lo Sook Mun (Vivian)	China Press	View of transit to future
<b>Ketiga (RM2,000)</b>	Mohammad Azman Bin Abdul Ghani	The Star	Grounded in the city

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)

---

### ***Mengenai CIDB***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

#### **CIDB Malaysia**

Rakis Santa	<a href="mailto:rakis@cidb.gov.my">rakis@cidb.gov.my</a>	012–620 0360 / 03-4047 7018
Mansor Ahmad	<a href="mailto:mansor.ahmad@cidb.gov.my">mansor.ahmad@cidb.gov.my</a>	012–386 4997 / 03-4047 7018

Disediakan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

#### **NagaDDB Tribal**

Putri Adlina	<a href="mailto:putri.adlina@nagaddbtribal.com.my">putri.adlina@nagaddbtribal.com.my</a>	013 – 357 9055
Kristine Yap	<a href="mailto:kristine.yap@nagaddbtribal.com.my">kristine.yap@nagaddbtribal.com.my</a>	017 – 333 3637

#####